

8/10/2003
Daily Express

Air Sungai Moyog selamat, bebas dari racun

KOTA KINABALU: Kualiti air Sungai Moyog di Penampang dekat sini yang disyaki tercemar ekoran kematian ikan di beberapa bahagian sungai itu, didapati selamat dan bebas daripada racun perosak.

Pengarah Jabatan Bekalan Air Sabah, Datuk Cosmas Abah berkata, ujian ke atas contoh air oleh Jabatan Kimia menunjukkan keputusan negatif iaitu tidak ada kandungan racun perosak.

“Saya juga sudah membuat semakan silang dengan Jabatan Alam Sekitar (Pemuliharaan), Jabatan Perikanan dan dimaklumkan kematian ikan itu merupakan kes terasing memandangkan tidak ada laporan yang sama di hulu dan hilir sungai itu (Moyog),” katanya dalam kenyataan di sini, pada Jumaat.

Berita mengenai kematian ikan dekat Kampung Budaya Monsopiad di Penampang,

Selasa lepas yang dipercayai akibat pencemaran atau diracun, mendapat perhatian pengguna di Kota Kinabalu, Penampang dan Kinarut.

Ini kerana kejadian itu berlaku hanya tiga kilometer dari kawasan menyedut air Jabatan Bekalan Air di Kasigui.

Cosmas berkata, kualiti air sungai itu sesuai untuk diminum.

Bagaimanapun, beliau meminta orang ramai

tidak membuang bahan toksid ke dalam sungai itu bagi melindungi sumber air yang semakin berkurangan ekoran cuaca kering.

Berdasarkan ramalan cuaca, keadaan kering ini akan berterusan sehingga April depan.

Cosmas berkata, empangan pada masa ini penuh 60 peratus dan semakin turun setiap hari dan jabatan itu mungkin menjalankan catuan air sebagai langkah penjimatan.